

Berdasarkan jumlah cukai tanah yang dibayar oleh UUM mulai 2009 hingga kini, maka jumlah yang dibayar oleh UUM ialah 10 kali ganda daripada jumlah cukai yang dibayar oleh UUM sebelum ini.

Justeru, adalah wajar Kerajaan Negeri Kedah tidak mengenakan cukai tanah yang tinggi kepada UUM seperti mana yang pernah dinikmati oleh UUM sebelum 2008.

Tanah seluas 1,061 hektar milik UUM itu yang dikenakan cukai bukanlah semua telah dibangunkan oleh UUM. Sebaliknya terdapat 100 hektar lagi masih belum dibangunkan tetapi kadar cukai yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri Kedah tidak mengambil kira mengenai perkara ini.

UUM juga telah membelanjakan bajet yang besar yang diperolehi daripada Kerajaan Pusat melalui Kementerian Pengajian Tinggi untuk menampung keperluan pengajian tinggi negara. Perbelanjaan ini sudah tentu memberi kesan yang positif dari segi limpahan ekonomi kepada negeri Kedah. Sepatutnya Kerajaan Negeri Kedah menghargai usaha ini dan boleh membantu mengurangkan beban kewangan yang ditanggung oleh UUM melalui pengurangan cukai tanah yang boleh disalurkan kepada aktiviti penyelidikan, penerbitan dan pelbagai aktiviti pembangunan akademik di Universiti ini.

Prof Dato' Dr. Mohamed Mustafa Ishak
Naib Canselor Universiti Utara Malaysia.

Disediakan oleh : Unit Media, Unit Korporat Komunikasi,
Jabatan Canselori
Universiti Utara Malaysia

Tarikh : 19 April 2011

=====
DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my